

Jenis Akhbar : Utusan Sarawak
Tarikh : 08/04/2020
Edisi / Muka Surat : Sarawak / 28
Tajuk : MEDAC pastikan inisiatif dalam PRIHATIN

MEDAC pastikan inisiatif dalam PRIHATIN

KUALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) amat komited untuk memastikan inisiatif yang diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin (PRIHATIN Tambahan) dapat dinikmati dengan segera oleh usahawan yang disasarkan.

Bagi tujuan ini, MEDAC, melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional, telah mengenal pasti mekanisme pelaksanaan yang akan

dilaksanakan untuk memastikan kelancaran pemberian insentif ini.

Dalam kenyataan semalam, Menteri, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pemohon hanya perlu mengemukakan satu bulan penyata kewangan.

"Pemohon dalam senarai hitam Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Pendidikan (PTPTN) boleh dipertimbangkan.

"Usahawan yang belum berdaftar dengan Suru-

hanjaya Syarikat Malaysia (SSM) layak memohon, namun, mereka perlu berdaftar dengan SSM sebelum pinjaman disalurkan," katanya.

Sebarang maklumat lanjut, boleh menghubungi hotline TEKUN, 03-9059 8888 atau layari laman sesawang www.tekun.gov.my.

Dalam pakej PRIHATIN Tambahan yang diumumkan oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam, sejumlah RM200 juta telah disediakan oleh

Pemohon dalam senarai hitam Perbadanan Tabung Pinjaman Tinggi Pendidikan (PTPTN) boleh dipertimbangkan. Usahawan yang belum berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) layak memohon, namun, mereka perlu berdaftar dengan SSM sebelum pinjaman disalurkan.
- Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar

kerajaan bagi pembiayaan Skim Kredit Mikro untuk membantu aliran tunai perniagaan usahawan dengan

pemansuhan kadar faedah kepada 0 peratus daripada dua peratus sebelum ini.

Had maksimum pin-

jaman adalah sebanyak RM10,000 bagi setiap usahawan mikro yang layak. - Bernama